



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**25 Julai 2019**

1. Wanita bawa anjing makan di restoran terima kecaman; Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN :</b> Negara	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="3"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>25.7.2019</b>			

## Wanita bawa anjing makan di restoran terima kecaman



GAMBAR seorang wanita membawa seekor anjing ketika makan di sebuah restoran makanan segera di Seberang Jaya tular di media sosial hingga mengundang kecaman netizen kelmarin.

**SEBERANG PERAI** – Tindakan seorang wanita membawa seekor anjing ke sebuah restoran makanan segera di Seberang Jaya di sini kelmarin menimbulkan perasaan kurang senang kepada orang ramai.

Insiden tersebut disedari oleh seorang pekerja swasta, Anuar Omar, 41, kira-kira pukul 9.30 malam selepas melihat haiwan berbulu hitam dan putih itu diletakkan di atas kerusi di tempat makan terbuka restoran berkenaan.

“Ketika itu saya sedang bera-

tur untuk memesan makanan di tempat pandu lalu dan ternampak wanita sekitar usia 20-an itu membawa anjing.

“Saya cuba menegur dari dalam kereta, tetapi dia tidak mengendulkannya sebelum saya memaklumkan perkara itu kepada kru restoran ketika memesan makanan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Anuar berkata, dia telah dihubungi oleh pihak restoran berkenaan pada pagi semalam memaklumkan bahawa kawasan tersebut telah selesai disertu bagi

menyucikannya semula.

“Terima kasih kepada pihak pengurusan restoran yang mengambil tindakan pantas selepas aduan dibuat,” katanya.

Terdahulu, gambar yang memaparkan seekor anjing yang diletakkan di atas kerusi di tempat makan di luar restoran bersebelahan lorong pandu lalu tular di media sosial.

Rata-rata netizen mengutuk tindakan itu yang dianggap tidak sensitif dan melanggar peraturan apabila membawa haiwan peliharaan ke tempat yang dilarang.